PENDAKWA RAYA

lwn.

WONG KAM TONG & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA THAMBY CHIK H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 58-8-88]
27 NOVEMBER 1990

KETERANGAN: *Pernyataan beramaran - Keterangan lisan - Mencabar kebolehpercayaan - Bukan keterangan substantif - Sukarela - Tugas dan tangunggjawab pegawai perakam - Keterangan langsung - Keterangan menyokong - Akta Keterangan 1950, s. 114(h).*

Kedua tertuduh T1 dan T2 telah didakwa dengan mengedar dadah berbahaya heroin di bawah s. 39B(1)(a). Pada 8 Ogos 1987, satu pasukan polis yang diketuai oleh SP4 telah mengendap suatu kawasan dan menangkap T2 dan selepas diperiksa oleh SP2, dijumpai 10 batang "straw" yang berisi heroin. Selepas itu T1 ditangkap di dalam sebuah bilik dimana juga terdapat barang kes P4 yang mengandungi 4 bungkusan yang berisi heroin dan 2 tiub straw yang berisi heroin.

SB2, seorang saksi penting kerana dikenali oleh kedua-dua T1 dan T2 dan keterangan SB2 menyokong keterangan T1. SB2 mengaku bahawa P4 kepunyaannya sendiri dan dialah yang membawanya masuk ke bilik tersebut. Testimoni SB2 adalah tunggak keterangan pihak pembela yang tidak diluputkan oleh pihak pendakwa dan testimoni SB2 tidak pernah dicabar atau disangkal oleh pihak pendakwa.

Pihak Pendakwa Raya, telah memohon untuk mencabar kebolehpercayaan T2 dengan alasan bahawa keterangan T2 bercanggah dengan pernyataan beramarannya. Peguam T2 membantah penggunaan pernyataan beramaran dan berhujah bahawa pernyataan tersebut adalah berkaitan dengan satu pertuduhan lain dan bukannya mengenai pertuduhan yang di hadapkan kepada T2 dalam perbicaraan sekarang.

Peguam T2 juga berkata bahawa pegawai perakam pernyataan tersebut, B, telah melanggar kaedah tata-amalan dengan mengemukakan pertanyaan yang bersifat pemisitan atau penyiasatan; pegawai perakamnya sepatutnya hanya boleh mengemukakan pertanyaan yang bersifat penjelasan sahaja.

Pihak Pendakwa Raya juga telah mengemukakan beberapa penyangkalan dalam keterangan yang dibuat oleh T1 dengan yang dibuat oleh T2 dan diantara T2 dan SB2.

Diputuskan:

[1] (a) Seksyen 155(c) Akta Keterangan 1950 (Akta Tersebut) (mencabar kebolehpercayaan terhadap saksi) hendaklah dibaca bersama-sama dengan s. 145 Akta tersebut;

(b) Selepas meneliti dengan halus s.37A Akta tersebut, jelas bahawa apa-apa pernyataan beramaran yang dibuat oleh yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh orang lain yang ada kaitan atau tidak dalam penangkapannya cuma boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya;

(c) Apa yang dimaksudkan dengan "having reference to the charge" dalam subsyeksyen kecil (a) ialah mengenai dorongan, ugutan atau perjanjian yang ada berkaitan dengan tuduhan yang dihadapkan kepadanya dimana pernyataan tersebut dirakamkan iaitu yang menyentuh mengenai kesukarelaan pernyataan beramaran tersebut;

(d) sama ada atau tidak pernyataan beramaran boleh diterima sebagai keterangan bergantung kepada sama ada atau T2 kedua memberikan pernyataan itu secara sukarela atau tidak. Ini adalah persoalan yang lain.

[2] (a) Pernyataan tersebut digunakan hanya untuk menguji kebolehpercayaan T2 sahaja dan bukan sebagai keterangan substantif iaitu ianya bukan berperanan sebagai keterangan fakta tetapi hanya berfungsi sebagai keterangan ketidakonsistenan T2 iaitu pernyataannya yang terdahulu bukanlah menggantikan keterangannya di Mahkamah yang sudah disangkal tetapi menjadikan keterangannya di Mahkamah tidak boleh dipercayai dengan sepenuhnya;

(b) "The Judges' Rules in England" bukanlah undang-undang di Malaysia;

(c) Kaedah tata amalan akan dilanggari sekiranya pertanyaan yang dikemukakan oleh seseorang perakam pernyataan beramaran itu bersifat pemisitan dan/atau penyiasatan;

(d) Bahagian awal pernyataan beramaran T2 dalam kes ini nampaknya dibuat dengan sukarela akan tetapi B, telah mengemukakan beberapa pertanyaan yang berupa pemeriksaan balas;

(e) Oleh sebab pertanyaan yang disebut berupa suatu pemeriksaan balas, maka keseluruhan pernyataan beramaran tersebut tidak boleh diterima (inadmissible);

(f) Tugas dan tanggungjawab seseorang pegawai perakam adalah merakamkan sahaja apa yang ingin dinyatakan oleh tertuduh tersebut dan pertanyaan hanya boleh dikemukakan bagi menghapuskan sebarang kekaburan atau ketaksaan (ambiguity) yang timbul. Seseorang pegawai perakam tidak boleh sekali-kali mengambil bahagian atau masuk campur di dalam penyiasatan kes tertuduh tersebut.

[3] Setelah meneliti keseluruhan keterangan T1, T2 dan SB2 dan setelah mempertimbangkan cara mereka memberikan keterangan dan tingkahlakunya di Mahkamah, bahawa keterangan mereka pada sebahagian besar asasnya tidaklah berbeza sangat hinggakan boleh menjejas nilai testimoni mereka - penyangkalan di dalam keterangan mereka tidaklah merosakkan akar umbi keterangan mereka dan nilai testimoninya tidaklah terjejas sama sekali.

[4] Bukan sahaja terdapat keterangan menyokong (corroborative evidence) tetapi keterangan menyokong tersebut pula adalah satu keterangan langsung (direct evidence) yang menegakkan kes pembelaan pihak pembela. Keterangan yang diberikan oleh SB2 adalah satu keterangan menyokong yang kuat yang menunjukkan bahawa kedua-dua orang tertuduh tersebut tidak ada kaitan langsung dengan kesalahan yang dihadapkan terhadap mereka. Sementelahan pula keterangan lisan di Mahkamah SB2 itu tidak dicabar atau disangkal oleh pihak pendakwa.

[Kedua-dua tertuduh dilepaskan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Cheng Seng Heng & 4 Others v. Public Prosecutor [1949] 15 MLJ 175
Chua Beow Huat v. Public Prosecutor [1970] 2 MLJ 29
Crown v. Harnama 15 Pun Re 190 Cr

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37A(1), 39B(1)(a), (2)
Evidence Act 1950, ss. 145, 155(c)

Sumber yang dirujuk:
A.I.R 1954 Journal 1987 - Magisterial Judgments and How To Write Them

Bagi pihak YT 1 - Tong Teck Yong; Tong Leonard Foo & Associates
Bagi pihak YT 2 - Jeffrey Fernandez; Fernandez & Co.
Bagi pihak Pendakwa Raya - Farah Suhanah bt. Ahmad Sarji, Timbalan Pendakwa Raya

PENGHAKIMAN

Faiza Thamby Chik H:

Kedua-dua orang tertuduh telah dihadapkan dengan pertuduhan yang berbunyi:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 8 Ogos 1987 lebih kurang jam 6.00 pagi di dalam sebuah bilik di rumah No. 5B (Tingkat 2), Lorong Yap Hin, Pudu, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan, telah mengedar dadah berbahaya, iaitu heroin yang beratnya berjumlah 21.21 gram dan monoacetylmorphines yang beratnya berjumlah 0.92 gram dan oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s.39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) yang boleh dihukum di bawah s.39B(2) Akta yang sama.

Secara ringkas fakta kes ialah seperti berikut. Pada 8 Ogos 1987 lebih kurang jam 4.00 pagi sepasukan polis yang diketuai oleh Insp. Amarjit Singh (SP4) telah mengendap di kawasan Hicks Mansion Kuala Lumpur dan berjaya menangkap seorang lelaki Cina yang kemudiannya dikenali sebagai Lee Song Onn @ On Chai iaitu T2. D/Sjn. Lee Cheng Hai (SP2) salah seorang daripada anggota pasukan polis tersebut telah memeriksa badan T2 dan menjumpai di antara lain:

(i) Satu plastik sikat kosong pada poket kiri seluarnya dan plastik tersebut mengandungi 10 batang "straw", 6 daripadanya sepanjang kira-kira 3 1/2" dan 4 daripadanya sepanjang kira-kira 1" dan masing-masing berisi serbok berwarna merah jambu yang disyaki heroin.

(ii) Satu dompet pada poket belakang kanan seluarnya dan dompet tersebut mengandungi satu peket plastik berisi serbok berwarna merah jambu yang disyaki heroin.

(iii) Serangkai 5 batang anak kunci pada poket hadapan kiri seluarnya dan serangkai 5 batang anak kunci tersebut ditandai barang kes P28.

Menurut Puan Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu satu pertuduhan lain telah dihadapkan kepada T2 mengenai heroin yang dijumpai pada badannya itu dan perbicaraan mengenainya masih belum selesai lagi.

SP2 telah membawa T2 balik ke pejabatnya dan menyerahkan beliau kepada SP4 yang menjalankan penyiasatan lanjut ke atasnya. Hasil daripada penyiasatan tersebut, SP2 telah membawa SP4 dan pasukannya pada pagi yang sama ke sebuah bilik di rumah No. 5B (Tingkat 2), Lorong Yap Hin, Pudu dan rumah tersebut telah dibuka dengan menggunakan salah sebatang anak kunci yang dipilih oleh T2 daripada P28. Apabila mereka berada di dalam rumah tersebut T2 telah menunjukkan jalan hendak sampai ke bilik itu dan kemudian D/Sjn. Ismail b. Abd. Hamid dan D/Kpl. Hamidon b. Ali, ahli anggota pasukan polis tersebut, telah membawa T2 balik semula ke pejabat. Seterusnya SP4 dan pasukannya telah sampai ke bilik yang ditunjukkan oleh T2 itu dan mendapati pintunya bertutup. SP4 telah menolak pintu bilik itu dan pintu itu pun terbuka dan di dalamnya SP4 menjumpai seorang lelaki Cina sedang berbaring di atas tilam dalam keadaan terjaga. Lelaki Cina itu kemudian mengenali Wong Kam Tong iaitu T1. Di dalam bilik tersebut SP4 telah menjumpai di antara lain:

(i) Satu beg merah jenis SUNNEX yang ditandai barang kes P4 dan P4 mengandungi 4 bungkusan yang berbalut dengan suratkhabar dan masing-masing berisi benda berwarna merah jambu yang disyaki heroin.

(ii) Di atas lantai sebuah cawan kertas jenis Big Gulp 7-Eleven yang ditandai barang kes P18. Didalam P18 terdapat:

(a) dua tube (straw) plastik, masing-masing panjangnya kira-kira 3 1/2" dan ditandai barang kes P19 A dan B. P19 A dan B berisi benda berwarna merah jambu yang disyaki heroin;

(b) satu cawan plastik berserta penutupnya yang ditandai barang kes P22 dan P22 berisi benda yang disyaki heroin.

Dalam pembelaannya T1 mengakui menyewa bilik tersebut di rumah No. 5B (Tingkat 2), Lorong Yap Hin, Pudu daripada Lim Swee Kuen (SP6) dengan bayaran sewa sebanyak RM150 sebulan dan menyewanya bersama-sama dengan T2 dan Lee Yu Ming (SB2) tetapi beliau seorang sahaja yang tinggal di bilik tersebut secara tetap. Tertuduh pertama menyatakan bahawa beliau telah berunding dengan seorang perempuan muda, iaitu anak kepada SP6 pada 12 Julai 1987, hari Ahad pada pukul 10.30 pagi dengan dihadiri oleh T2 dan Lee Yu Wing (SB2) mengenai penyewaan bilik tersebut. Perempuan muda ini telah dicamkan sebagai Looi Wai San oleh T1 dan Loo Wai San adalah anak perempuan kepada SP6 dan SP6 dalam keterangannya mengakui bahawa Looi Wai San ada tinggal bersama-samanya di rumah tersebut pada bulan Julai 1987. Tertuduh pertama menyatakan Looi Wai San telah menunjukkan tiga buah bilik kesemuanya tetapi atas anjuran SB2 mereka telah memilih bilik tengah untuk disewa. Tertuduh pertama menyatakan bahawa beliau telah berpindah pada hari yang sama pada kira-kira pukul 2.00 petang dengan membawa barang-barangnya sahaja termasuk dua buah tilam, satu tilam bujang dan satu tilam untuk dua orang dengan ditolong oleh T2 dan SB2. Tertuduh pertama menyatakan bahawa setelah menerima serangkai tiga anak kunci daripada SP6 beliau telah membuat kunci pendua dan memberikannya kepada T2 sementara kepada SB2 diberikannya serangkai 4 anak kunci iaitu termasuk satu kunci kepada mangga yang baru dipasangnya pada pintu bilik sewa tersebut. Tertuduh pertama menyatakan apabila diperiksa balas oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu bahawa beliau memasang mangga kepada pintu bilik sewa tersebut oleh kerana tombol pintu bilik tersebut didapati longgar.

Dalam pembelaannya T2 telah menyatakan bahawa beliau adalah seorang penganggur sebelum ditangkap. Tertuduh kedua menyatakan bahawa beliau telah dibayar tiga bulan gaji sebanyak RM3,200 sebelum diberhentikan kerja oleh majikannya atas sebab kemerosotan ekonomi. Tertuduh kedua menyatakan bahawa beliau mula berkenalan dengan T1 di tempat kerjanya di Hicks Mansion pada bulan Mei 1987. Seterusnya T2 menyatakan bahawa melalui T1 beliau mengenali SB2 yang dipanggilnya Ah Meng pada bulan Jun 1987 di Hicks Mansion juga. Tertuduh kedua juga menyatakan bahawa beliau mempunyai seorang teman wanita bernama Joaan Chong yang bekerja di Hicks Mansion dan mula berkenalan dengannya pada bulan Februari 1987. Tertuduh kedua menyatakan bahawa setiap kali beliau bertengkar dengan bapanya Lee Sing (SB4) di rumah, beliau akan meninggalkan rumah dan bermalam di rumah kawannya; pada mula-mulanya di rumah teman wanitanya Joaan Chong dan kadang-kadang di bilik sewa T1 iaitu apabila T1 sudah menyewa bilik di rumah No. 5B (Tingkat 2), Lorong Yap Hin, Pudu. Dan T2 menyatakan bahawa dalam seminggu beliau bermalam di luar rumah iaitu di bilik T1 sebanyak dua kali. Keterangan T2 bahawa beliau meninggalkan rumah setiap kali bila berselisih faham dengan bapanya dan bermalam di rumah kawannya sebanyak dua

kali seminggu ini telah disokong oleh keterangan bapanya SB4 yang menyatakan anaknya T2 akan meninggalkan rumah setiap kali selepas bertengkar dengannya dan hanya balik ke rumah keesokan harinya dan dalam bulan Julai dan Ogos 1987 anaknya itu hanya bermalam sebanyak lima kali seminggu di rumah. SB4 menyatakan bahawa anaknya itu mempunyai biliknya sendiri di rumahnya dan bilik tersebut adalah bersebelahan dengan biliknya. Perkara ini disokong oleh keterangan T2 yang menyatakan bahawa beliau mempunyai bilik sendiri di rumahnya.

Seterusnya T2 mengakui ada mengambil dadah dan beliau mengambilnya oleh sebab bencana pengangguran dan fakta bahawa bapanya selalu menyalahkannya mengenai beliau kehilangan kerja dan bapanya selalu pula memarahinya di hadapan adik-beradiknya. Dan T2 mengakui bahawa beliau selalu membawa dadah bersama-samanya.

SB2 adalah seorang saksi penting bagi pihak pembela. Sama ada beliau berambut keriting atau pun tidak, hakikatnya ialah SB2 dikenali oleh kedua-dua orang tertuduh. SB2 dalam keterangannya di Mahkamah telah memberikan keterangan menyokong ke atas apa yang dikatakan oleh T1. Dalam keterangan lisannya di Mahkamah SB2 menyatakan bahawa beliau bekerja sebagai pengutip hutang dan mengakui bahawa T1 dan T2 adalah kawan baiknya sungguhpun T1 lebih rapat dengannya. SB2 mengakui bahawa beliau adalah seorang penagih dadah semenjak tahun 1982 dan mengakui menyewa bilik tersebut di No. 5, Lorong Yap Hin, Pudu bersama-sama dengan T1 dan T2. SB2 mengakui bahawa beliau bersama-sama dengan kedua-dua orang tertuduh telah pergi merundingkan penyewaan bilik tersebut dengan seorang perempuan muda dengan harga sewa sebanyak $150 pada 12 Julai 1987 dan pindah masuk pada pukul 2.00 petang pada hari yang sama dengan menolong membawa barang-barang T1 sahaja masuk ke bilik tersebut. SB2 mengakui bahawa beliau telah diberikan serangkai 4 anak kunci rumah 5B tersebut oleh T1 dan beliau telah membuat kunci pendua untuk tiga batang anak kunci sahaja tanpa membuat kunci pendua kepada anak kunci asal pintu bilik sewa tersebut dan menyimpan anak kunci asal pintu bilik itu yang dicamnya sebagai P34. SB2 mengakui bahawa pada 8 Ogos 1987 lebih kurang pukul 12 lebih pagi iaitu pada hari kejadian tersebut beliau telah balik ke bilik sewa tersebut dengan seorang kawan dan di situ beliau dan kawannya itu telah duduk di bilik tersebut menghisap dadah hingga pukul 5 pagi. SB2 seterusnya menyatakan bahawa mereka kemudian telah keluar daripada bilik tersebut untuk pergi makan dengan hasrat hendak kembali semula ke bilik tersebut tetapi tidak jadi oleh sebab bila beliau pulang beliau nampak ramai orang turun daripada Flat 5B dan bila menghampirinya beliau nampak T1 telah digari tangannya. Oleh hal yang demikian beliau pun meninggalkan tempat itu.

SB2 mengaku bahawa beg tangan itu iaitu barang kes P4 kepunyaannya sendiri dan beliau sendiri yang membawanya masuk ke bilik tersebut. Bila diperiksa semula oleh peguamnya Encik Tong beliau menyatakan bahawa P4 boleh digunakan untuk mengisi duit syiling kutipan hutang dan juga untuk menyimpan dadah. SB2 menyatakan P4 berisi:

(i) Charles Jordan keyholder yang mengandungi satu anak kunci dan satu gunting. SB2 menyatakan bahawa gunting itu digunakan untuk menggunting straw dan peket plastik seperti barang-barang kes yang bertanda P38 (peket plastik berisi beberapa straw kosong) dan P41 (peket plastik berisi beberapa peket kosong) dan SB2 menyatakan bahawa peket-peket plastik itu digunakan untuk mengisi dadah bagi kegunaannya sendiri. SB2 mengakui P38 dan P41 adalah kepunyaannya.

(ii) Key-chain Sakura mengandungi satu anak kunci (P35).

(iii) 5 buah keset tape (P36 A-E).

(iv) Dua atau tiga peket dadah.

Dan bila di periksa semula oleh peguamnya SB2 menyatakan bahawa penyewaan bilik di Flat 5B tersebut memudahkan beliau menghisap dadah oleh sebab rumahnya terletak di Setapak yang jauh dan pula beliau terpaksa keluar pagi-pagi untuk mengutip hutang.

Bila diperiksa balas oleh Cik Farah Suhanah, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu:

(i) SB2 mengakui bahawa beliau balik ke bilik tersebut selang satu atau dua hari dan kebiasaannya pada waktu malam untuk menghisap dadah dan tiap kali beliau berbuat demikian beliau tidak pernah nampak T1 di bilik tersebut.

(ii) SB2 mengakui bahawa perkakas-perkakas menghisap dadah terdapat di bilik tersebut adalah kepunyaannya sendiri.

(iii) SB2 menyatakan bahawa T1 tahu bahawa P4 telah dibawa masuk olehnya ke bilik itu tetapi T1 tidak tahu kandungan P4 dan T1 tidak pernah nampak beliau menghisap dadah di bilik tersebut sungguhpun T1 mensyakinya dan ada pernah bertanya mengenainya.

(iv) SB2 menyatakan bahawa bila beliau nampak tertuduh ditangkap pada 8 Ogos 1987, beliau mengesyaki dianya ditangkap oleh sebab dadah dan oleh itu beliau berasa takut dan terus melarikan diri.

(v) SB2 mengakui bahawa beliau berjumpa dengan T1 pada 11 Mei 1990 di Penjara Pudu semasa beliau ditahan di sana dan memberitahu T1 bila T1 menyoalnya bahawa beliau berhasrat untuk balik semula ke bilik tersebut untuk mengambil dadah itu pada hari kejadian.

Testimoni SB2 itu adalah tunggak keterangan pihak pembela yang tidak dapat diluputkan oleh pihak pendakwa. Bukan itu sahaja, testimoni SB2 itu tidak pernah dicabar atau disangkal oleh pihak pendakwa. Testimoni SB2 itu bukan sahaja telah menjadi tunjang pokok keterangan pihak pembela bahkan telah berjaya mengalih dengan munasabah (reasonably dislodge) keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa.

Semasa memeriksa balas T2, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah memohon untuk mencabar kebolehpercayaannya dengan menyatakan bahawa apa yang dikatakan oleh T2 itu di Mahkamah adalah bertentangan sama sekali dengan apa yang dikatakannya di dalam peryataan beramarannya yang berkaitan dengan laporan polis bernombor 12623/87 yang dirakamkan oleh K/Insp. Borhan b. Buang pada 8 Ogos 1987 pada pukul 11.40 pagi di Pejabat CAD Jalan Kia Peng Kuala Lumpur. Peguambela yang bijaksana bagi pihak T2 telah membantah pemakaian pernyataan tersebut oleh sebab hujahnya bahawa pernyataan tersebut adalah berkaitan dengan satu pertuduhan lain dan bukannya mengenai pertuduhan yang dihadapkan kepada T2 dalam perbicaraan sekarang. Perkara ini telah diakui benar oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu dan perbicaraan pertuduhan lain seperti yang disahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu belum lagi selesai.

Jadi persoalannya di sini ialah bolehkah pernyataan beramaran T2 tersebut yang menurut Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah dirakamkan pada hari tertuduh tersebut ditangkap dan difailkan dalam kertas penyiasatan dan berdasarkan pernyataan beramaran tersebut tertuduh tersebut telah ditangkap dan dihadapkan dengan pertuduhan lain yang perbicaraannya masih belum selesai lagi.

Saya bersetuju dengan pendapat Cik Farah Suhanah, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu bahawa s. 155(c) Akta Keterangan 1950 (mencabar kebolehpercayaan terhadap saksi) hendaklah dibaca bersama-sama dengan s. 145 Akta Keterangan 1950 (pemeriksaan balas mengenai pernyataan bertulis terdahulu) dan pernyataan bertulis terdahulu mencakupi kesemua pernyataan-pernyataan lain yang terdahulu dan boleh digunakan bagi maksud untuk menunjukkan bahawa keterangan seseorang saksi adalah tidak konsisten.

Kedua-dua orang peguambela dan Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu, Encik Jeffrey Fernandez dan Cik Farah Suhanah, memberitahu Mahkamah bahawa persoalan yang menjadi isu dalam kes ini adalah persoalan baru dan belum ada otoriti mengenainya lagi.

Eloklah rasanya saya perturunkan di sini peruntukan subseksyen (1) s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 yang berbunyi:

> Where any person is charged with any offence against this Act any statement, whether such statement amounts to a confession or not or is oral or in writing, made at any time, whether before or after such person is charged and whether in the course of a police investigation or not and whether or not wholly or partly in answer to questions, by such person to or in the hearing of any police officer of or above the rank of Inspector or any senior officer of customs and whether or not interpreted to him by any other police officer or senior officer of customs or any other person concerned or not in the arrest, shall notwithstanding anything to the contrary contained in any written law, be admissible at his trial in evidence and, if such person tenders himself as a witness, any such statement may be used in cross-examination and for the purpose of impeaching his credit:
>
> Provided that no such statement shall be admissible or used as aforesaid:
>
> (a) if the making of the statement appears to the Court to have been caused by any inducement, threat or promise having reference to the charge against such person, proceeding from a person in authority and sufficient in the opinion of the court to give such person grounds which would appear to him reasonable for supposing that by making it he would gain any advantage or avoid any evil of a temporal nature in reference to the proceeding against him: or

Encik Jeffrey Fernandez telah menghujahkan bahawa pernyataan beramaran tersebut hendaklah mengenai tuduhan yang dihadapkan kepada tertuduh dalam kes ini dan bukannya mengenai tuduhan lain yang dihadapkan kepadanya dalam kes lain seperti yang terjadi di sini. Oleh kerana tegasnya pernyataan beramaran adalah satu-satunya pernyataan yang tergolong kepada jenisnya yang tersendiri. Saya telah meneliti dengan halus s.37A Akta Dadah Berbahaya 1952 dan tidak terdapat sebarang perkataan pun yang bermaksud seperti yang dihujahkan oleh peguambela yang bijaksana itu: malahan perkataan yang digunakan ialah "any statement made at any time whether or not interpreted to him by any other person concerned or not in the arrest shall be admissible at his trial". Jadi jelas di sini bahawa apa-apa pernyataan beramaran yang dibuat oleh T2 yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh orang lain yang ada kaitan atau tidak dalam penangkapannya boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya. Seperkara lagi ialah apa yang dimaksudkan dengan "having reference to the charge" dalam subsyeksyen kecil (a) ialah mengenai dorongan, ugutan atau perjanjian yang ada berkaitan dengan tuduhan yang dihadapkan kepadanya dimana pernyataan tersebut dirakamkan iaitu yang menyentuh mengenai kesukarelaan pernyataan beramaran tersebut.

Oleh hal yang demikian saya memutuskan bahawa pernyataan beramaran T2 tersebut boleh dipakai dalam kes ini dan sama ada atau tidak ianya boleh diterima sebagai keterangan bergantung kepada sama ada atau tidak T2 memberikan pernyataan itu secara sukarela atau tidak. Ini adalah persoalan yang lain.

Oleh sebab-sebab di atas saya meluluskan pemakaian pernyataan beramaran T2 tersebut dan sama ada ianya boleh diterima di dalam perbicaraan ini atau tidak bergantung sama ada pernyataan tersebut telah dibuat dengan rela hati atau tidak.

Sayugia diingatkan bahawa pernyataan beramaran tersebut mestilah dibuktikan bahawa ianya telah dibuat dengan sukarela tanpa paksaan dan bila diterima masuk ianya hanya boleh digunakan bagi maksud penyangkalan yang terhad sahaja. Dengan lain-lain perkataan pernyataan tersebut digunakan hanya untuk menguji kebolehpercayaan T2 sahaja dan bukan sebagai keterangan substantif iaitu ianya bukan berperanan sebagai keterangan fakta tetapi hanya berfungsi sebagai keterangan ketakkonsistenan T2 iaitu pernyataannya yang terdahulu bukanlah menggantikan keterangannya di Mahkamah yang sudah disangkal tetapi menjadikan keterangannya di Mahkamah tidak boleh dipercayai dengan sepenuhnya.

Dalam satu perbicaraan di dalam satu perbicaraan yang diadakan selepas saya membuat keputusan bahawa pernyataan beramaran tersebut boleh dipakai untuk menentukan sifat kesukarelaannya, peguambela yang bijaksana bagi pihak T2 telah menghujahkan bahawa pegawai perakam pernyataan beramaran tersebut K/Insp. Borhan bin Buang telah melanggar kaedah tataamalan (rule of practice) dengan mengemukakan pertanyaan yang bersifat pemisitan (interrogative) dan/atau penyiasatan (investigative). Seterusnya beliau menekankan bahawa sebagai seorang pegawai perakam, beliau hendaklah bersifat bebas dan mengemukakan hanya pertanyaan yang bersifat penjelasan (clarification) sahaja. Peguambela yang bijaksana tersebut telah mengemukakan "*Rule 7 of the Judges' Rules (in England)*" dan kes *Cheng Seng Heng & 4 Others v. Public Prosecutor* [1949] 15 MLJ 175 untuk menyokong penghujahannya. Pada mula-mulanya biarlah saya katakan bahawa "The Judges' Rules in England" bukanlah undang-undang di Malaysia. Hakim Sharma dalam *Chua Beow Huat v. Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 29 pada halaman 33 berkata:

> I find no rule whether of law or practice which requires a customs officer in this country to follow the Judges' Rules framed by the Judges in England.

Mengenai *"Regulation 33 of the Emergency Regulation 1948"* seperti yang dibincang dan diputuskan dalam kes Cheng Seng Heng tersebut, Peraturan 33 semenjak itu telah dipinda (lihat kes *Poon Heong v. Public Prosecutor* [1949] MLJ 114). Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu walaubagaimanapun telah bersetuju dengan pendapat peguambela yang bijaksana itu bahawa kaedah tataamalan akan dilanggari sekiranya pertanyaan yang dikemukakan oleh seseorang perakam pernyataan beramaran itu bersifat pemisitan dan/atau penyiasatan.

Bahagian awal pernyataan beramaran T2 dalam kes ini nampaknya dibuat dengan sukarela akan tetapi K/Insp. Borhan bin Buang, pegawai perakam pernyataan beramaran tersebut, telah mengemukakan beberapa pertanyaan yang berupa pemeriksaan balas (cross-examination). Pertanyaan itu adalah:

(i)Q: Were the 10 tubes and the one plastic packet of heroin seized from your possession yours? (Halaman 3, Barisan 20-23 dalam ID69).

(ii)Q: Are you a drug addict?
(Halaman 3, Barisan 25 dalam ID69).

(iii)Q: Then why were you having possession of these heroin?
(Halaman 3, Barisan 27-28 dalam ID69).

(iv)Q: How long have you been in business of selling heroin?
(Halaman 4, Barisan 34-35 dalam ID69)

(v)Q: How much do you sell a tube of heroin?
(Halaman 4, Barisan 37-38 dalam ID69).

Oleh sebab pertanyaan yang disebut dalam ID69 di atas berupa suatu pemeriksaan balas, maka keseluruhan pernyataan beramaran tersebut tidak boleh diterima (inadmissible). Dan saya membuat keputusan begitu dalam satu perbicaraan di dalam satu perbicaraan tersebut oleh sebab didalam merakamkan pernyataan beramaran seseorang tertuduh, pertanyaan yang bersifat pemisitan dan/atau penyiasatan tidak patut dikemukakan berdasarkan bahawa tugas dan tanggungjawab seseorang pegawai perakam adalah merakamkan sahaja apa yang ingin dinyatakan oleh tertuduh tersebut dan pertanyaan hanya boleh dikemukakan bagi menghapuskan sebarang kekaburan atau ketaksaan (ambiguity) yang timbul. Seseorang pegawai perakam tidak boleh sekali-kali mengambil bahagian atau masuk campur didalam penyiasatan kes tertuduh tersebut.

Ada satu perkara lagi yang ingin saya sentuh sebelum saya membuat keputusan dalam kes ini. Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah mengemukakan beberapa penyangkalan dalam keterangan yang dibuat oleh T1 dengan yang dibuat oleh T2 dan juga di antara keterangan T1 dan SB2. Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu menyebut bahawa:

(1) Tertuduh pertama menyebut bahawa sewa bilik itu ialah RM120 dan RM160 sedangkan T2 hanya menyebut RM160.

(2) Tertuduh pertama menyebut bahawa apabila beliau memberitahu bahawa hanya beliau seorang akan tinggal di bilik tersebut barulah sewanya diturunkan sedangkan T2 menyebut bahawa sewanya diturunkan apabila beliau memberitahu bahawa sewa $160 susah hendak dibahagi tiga.

(3) Tertuduh pertama memberikan anak kunci rumah tersebut kepada SB2 sehari selepas pindah masuk ke bilik itu sedangkan SB2 menyatakan bahawa anak kunci tersebut diberikan oleh T1 untuknya membuat pendua pada hari yang sama T1 pindah masuk ke bilik itu.

(4) Tertuduh pertama menyebut bahawa T2 telah memberikannya wang sewa sebanyak RM50 sedangkan T2 memberitahu bahawa beliau tidak ada memberikan wang sewa sebanyak RM50 kepada T1.

Mengenai keterangan yang diberikan oleh seseorang saksi, sayugia diingat bahawa kadang-kadang seseorang saksi itu akan membentangkan cerita yang sebahagian besarnya benar tetapi ada bahagian-bahagiannya tidaklah berapa benar. Setelah meneliti keseluruhan keterangan T1, T2 dan SB2 dan setelah mempertimbangkan cara mereka memberikan keterangan dan tingkahlakunya di Mahkamah, saya membuat keputusan bahawa keterangan mereka pada sebahagian besar asasnya tidaklah berbeza sangat hinggakan boleh menjejas nilai testimoni mereka. Oleh sebab itu saya membuat keputusan bahawa penyangkalan di dalam keterangan mereka tidaklah merosakkan akar umbi keterangan mereka dan nilai testimoninya tidaklah terjejas sama sekali. Di sini ingin saya memetik satu petikan daripada AIR 1954 Journal 87 - *Magisterial Judgments and How to Write Them* yang berbunyi:

> Very often discrepancies only reveal the untutored veracity of the witnesses. If witnesses had been tutored such discrepancies would have been ironed before-hand and they will repeat parrot-like the same version without any flaw or discrepancy. There are discrepancies of truth as well as discrepancies of falsehood and too minute attention to immaterial commonplace discrepancies would lead only to failure of justice.

Crown v. Harnama 15 Pun Re 190 Cr.

Pada hakikatnya dalam kes ini adalah pertuduhan terhadap kedua-dua orang tertuduh itu menyebut bahawa mereka dikatakan telah mengedar heroin seberat 21.21 gram dan monoacetylmorphines seberat 0.92 gram. SP4 telah menjumpai satu beg merah jenis SUNNEX yang ditandai barang kes P4 di dalam bilik sewa tersebut dan di dalam P4 terdapat 4 bungkusan yang berbalut dengan suratkhabar yang masing-masing mengandungi 5 peket plastik (P6 A-E) yang menurut keterangan ahli kimia Encik Woo Kai Hung (SP1) masing-masing pula mengandungi sejumlah 27.02 gram (bersih) (P7), 26.73 gram (bersih) (P10), 26.85 gram (bersih) (P13) dan 27.33 gram (bersih) (P16) berturutan bahan berketul berwarna merah jambu yang setelah masing-masing dianalisis didapati mengandungi 5.03 gram, 4.92 gram, 4.96 gram dan 5.11 gram berturutan heroin. SB2 mengakui dalam keterangannya di Mahkamah bahawa P4 adalah kepunyaannya sendiri dan mengakui bahawa beliau sendirilah yang membawa P4 masuk ke bilik sewa tersebut satu atau dua hari selepas T1 berpindah masuk ke bilik tersebut dan mengakui lagi bahawa pada masa itu P4 berisi dua atau tiga peket dadah. SP4 telah menjumpai di atas lantai bilik sewa tersebut sebuah cawan kertas jenis Big Gulp 7-Eleven yang ditandai barang kes P18. Di dalam P18 terdapat:

(i) dua tube plastik (straw) (P19 A & B) masing-masing panjangnya kira-kira 3 1/2" yang menurut keterangan SP1 mengandungi sejumlah 2.22 gram (bersih) bahan berketul berwarna merah jambu yang setelah dianalisis didapati mengandungi 0.41 gram heroin;

(ii) cawan plastik berserta penutupnya (P22) yang menurut keterangan SP1 mengandungi 9.59 gram (bersih) bahan berketul/serbuk berwarna perang muda yang setelah dianalisis didapati mengandungi 0.78 gram heroin dan 0.92 gram monoacetylmorphines.

Dan heroin yang dijumpai dalam P4 (iaitu P7, P10, P13 dan P16) dan P18 (iaitu P19 A & B) dan heroin dan monoacetylmorphines yang dijumpai dalam P22 (iaitu P23) adalah menjadi hal perkara tuduhan dalam kes ini dan SP4 dalam keterangannya menyatakan bahawa barang-barang kes tersebut dijumpai berdekatan antara satu sama lain. SP4 berkata, “Maksud saya `placed together’”. Sayugia diingat SB2 dalam keterangannya telah menyatakan bahawa semua perkakas menghisap dadah yang terdapat di bilik tersebut adalah kepunyaannya sendiri. SP4 seterusnya menyatakan bahawa berdekatan dengan P22 itu ialah satu cawan plastik berjenama “Indomie” (P37) dan di dalamnya terdapat satu peket plastik (P38) yang berisi beberapa straw kosong dan di dalam keterangannya SB2 mengakui ada menggunting straw seperti dalam P38 itu. SP4 juga menyatakan bahawa berdekatan dengan P22 itu ialah satu peket plastik (P41) yang berisi beberapa peket kosong dan dalam keterangannya SB2 mengakui ada menggunting peket kosong seperti dalam P41 itu.

Dapat diperhatikan di sini bahawa bukan sahaja terdapat keterangan menyokong (corroborative evidence) tetapi keterangan menyokong tersebut pula adalah satu keterangan langsung (direct evidence) yang menegakkan kes pembelaan pihak pembela. Keterangan yang diberikan oleh SB2 adalah satu keterangan menyokong yang kuat yang menunjukkan bahawa kedua-dua orang tertuduh tersebut tidak ada kaitan langsung dengan kesalahan yang dihadapkan terhadap mereka. Sementelahan pula keterangan lisan di Mahkamah SB2 itu tidak dicabar atau disangkal oleh pihak pendakwa.

Saya mengambil kesimpulan berlandaskan kesemua keterangan yang dibentangkan oleh pihak pendakwa dan pihak pembela - dan sesudah mendengar dengan teliti segala penghujahan akhir yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan pihak pembela bahawa kedua-dua orang tertuduh telah dapat memaparkan lebih daripada cukup bukti terutamanya melalui SB2 yang mengalih dengan munasabah (reasonably dislodge) keterangan pendakwaan.

a Oleh hal yang demikian saya mendapati bahawa kedua-dua orang tertuduh tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dihadapkan kepada mereka dan melepaskan dan membebaskan kedua-dua mereka.

Also found at [1991] 2 CLJ 931

b

c

d

e

f

g

h

i